

Pengimport dan pengilang ubat tradisional dan suplemen kesihatan adalah **DINASIHATKAN** untuk **MENDAPATKAN KEBENARAN** daripada Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan bagi setiap ubat tradisional dan suplemen kesihatan sebelum ianya diimport, dibekalkan atau dijual

Bagi sebarang pertanyaan mengenai ubat tradisional dan suplemen kesihatan, sila hubungi:

BAHAGIAN KOMPLIANS DAN PERLESENAN
Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Spg 433,
Lebuhraya Rimba, Kg Madaras,
Mukim Gadong 'A', Brunei Darussalam

No. Tel: +673 2393298/2393301/2393230 (Ext 208/209)

No. Faks: +673 2393297

E-mel: pharmacy.enforcement@moh.gov.bn

“Bersama Ke Arah Warga Sihat”

Bagi maklumat tentang ubat tradisional atau suplemen kesihatan yang **ditegah/diharamkan** atau senarai bahan racun yang dikawal di dalam Akta Racun, sila layari laman web rasmi Jabatan Perkhidmatan Farmasi

<http://moh.gov.bn/SitePages/Poisons%20Act.aspx>

**Jabatan
Perkhidmatan Farmasi**



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**KAWALAN UBAT TRADISIONAL
DAN SUPLEMEN KESIHATAN
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



UBAT TRADISIONAL adalah...

Produk yang digunakan dalam amalan tradisi di mana ubat itu hanya mengandungi satu atau lebih bahan semula jadi dari tumbuhan, haiwan atau galian dalam bentuk pati ekstrak atau bukan ekstrak, dan rawatan homeopati.

SUPLEMEN KESIHATAN adalah...

Produk yang digunakan sebagai tambahan kepada diet dalam memberikan manfaat kandungan nutrien dan menyokong / mengekalkan fungsi-fungsi yang sihat di dalam badan manusia.

Ubat tradisional dan suplemen kesihatan:

- ✓ Mesti **MEMATUHI** Garispandu Pengawalan Ubat Tradisional dan Suplemen Kesihatan
- ✗ **TIDAK DIBENARKAN** mengandungi bahan-bahan terlarang yang tersenarai dalam Garispandu Pengawalan Ubat Tradisional dan Suplemen Kesihatan
- ✗ **BUKAN** termasuk produk yang ditegah/diharamkan oleh Kementerian Kesihatan
- ✗ **TIDAK DIBENARKAN** membuat tuntutan **MENCEGAH, MENGAWAL** dan **MERAWAT PENYAKIT** dalam mana-mana bentuk pengiklanan (bagi suplemen kesihatan sahaja)

